

NAMA:

KELAS:

PERCUBAAN SPM TAHUN 2024**1249/1****SEJARAH****Kertas 1****September****1 jam**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.

Kertas soalan ini mengandungi **11** halaman bercetak.

Bahagian A

[40 markah]

Jawab **semua** soalan

- 1 Apakah bukti kedaulatan Kesultanan Melayu Melaka?
 - A Bebas campur tangan asing
 - B Keluasan wilayah pengaruh
 - C Pengenalan undang-undang bertulis
 - D Hubungan baik dengan Dinasti Ming
- 2 Jelaskan kepentingan permuafakatan antara sultan dan pembesar di dalam Kesultanan Melayu Melaka.
 - A Kutipan cukai dapat dipertingkatkan
 - B Memastikan proses pentadbiran yang sempurna
 - C Dapat menjaga keamanan dan keselamatan Kota Melaka
 - D Kuasa luar tidak dapat menguasai Kesultanan Melayu Melaka.
- 3 Tokoh berikut melancarkan Gerakan Propaganda di Filipina bagi menentang Sepanyol.



Jose Rizal

Apakah tuntutan Gerakan Propaganda tersebut terhadap Sepanyol?

- A Pemulihan sistem pemerintahan beraja
 - B Persediaan ke arah berkerajaan sendiri
 - C Pendidikan untuk mengubah nasib rakyat
 - D Persamaan hak dengan bangsa Sepanyol
- 4 Akhbar Melayu berikut, menyiarkan ‘Cerita Tekukur’ pada tahun 1920.

- Utusan Melayu
- Lembaga Melayu

Apakah isu yang dipaparkan dalam akhbar tersebut?


- A Perjuangan persatuan
 - B Politik kemerdekaan
 - C Budaya masyarakat
 - D Kebajikan masyarakat

5



Jeneral Hideki Tojo

- Bagaimanakah tokoh tersebut menangani masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara Jepun?
- A Menyemai semangat Bushido
 - B Menggulingkan Dinasti Manchu
 - C Melaksanakan Dasar Pemulihan
 - D Melancarkan Dasar Perluasan Kuasa
- 6 Apakah faktor utama yang mendorong dua Batalion Rejimen Askar Melayu terlibat dalam usaha mempertahankan tanah air ketika serangan tentera Jepun.
- A Ketidakpuasan hati terhadap pemerintahan British
 - B Kekurangan sumber ekonomi akibat perang
 - C Tindakan kekejaman dan penindasan oleh tentera Jepun
 - D Kehilangan kuasa politik dan rakyat tempatan
- 7 Bagaimanakah United Malays National Organisation (UMNO) bertindak balas terhadap Malayan Union?
- A Mengadakan perundingan dengan pihak British
 - B Menyokong penubuhan Malayan Union sebagai langkah ke arah kemerdekaan
 - C Menganjurkan bantahan secara besar-besaran
 - D Mengabaikan isu Malayan Union
- 8 British telah bertindak mengeluarkan Pekeliling No.9/1946 bagi mengekang kebangkitan penduduk terhadap penyerahan Sarawak kepada British. Apakah kesan pengeluaran pekeliling tersebut?
- A Peletakan jawatan oleh kakitangan awam
 - B Penghantaran surat bantahan ke London
 - C Pembunuhan seorang pegawai British
 - D Penganjuran persidangan oleh persatuan
- 9 Rajah berikut menunjukkan perubahan pentadbiran British di Tanah Melayu.



Apakah faktor yang menyebabkan perubahan pentadbiran tersebut?

- A Desakan pelabur luar
- B Bantahan golongan imigran
- C Hasrat British memerdekakan Tanah Melayu
- D Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union

- 10 Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu. Antara berikut yang manakah kenyataan menunjukkan kedudukan Raja-raja Melayu dikembalikan seperti sebelum perang,
- I Penubuhan Majlis Raja-raja Melayu
 - II Jawatan Yang di Pertuan Agong sebagai ketua
 - III Dianggotai oleh semua negeri-negeri Melayu
 - IV Persuruhjaya Tinggi perlu merujuk raja berkaitan kuasa kerajaan Persekutuan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 11 Mengapakah Parti Komunis Indonesia (PKI) berusaha menyebarkan pengaruh mereka di Tanah Melayu?
- A Penubuhan Parti Komunis Nanyang
 - B Kegagalan menguasai Pulau Jawa
 - C Keinginan menguasai bahan mentah
 - D Perluasan pengaruh Parti Komunis China
- 12 Kerajaan telah melaksanakan Perintah Berkurung untuk menghadapi ancaman Komunis. Apakah kesan langkah tersebut terhadap rakyat?
- A Pergaduhan antara kaum
 - B Aktiviti harian terjejas
 - C Perpaduan semakin erat
 - D Aktiviti ekonomi sara diri semakin meningkat
- 13 Maklumat di bawah berkaitan portfolio yang terus kekal di bawah pentadbiran British dalam Sistem Ahli.
- Hal Ehwal Ekonomi
 - Perumahan dan Kerja Raya
 - X
- Apakah X?
- A Kesihatan
 - B Pelajaran
 - C Pertanian dan Perhutanan
 - D Perindustrian dan Perhubungan Sosial
- 14 Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 telah mengemukakan teras pembentukan Sistem Pendidikan Kebangsaan. Apakah hasrat jawatankuasa tersebut?
- A Memupuk perpaduan kaum
 - B Mengasaskan idea kemerdekaan
 - C Membasmi kemiskinan rakyat
 - D Menjaga keamanan negara

- 15 Jadual berikut menunjukkan Perikatan UMNO dan MCA telah menang dalam Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur.

Parti	Jumlah kerusi yang dimenangi
IMP	2
Parti Buruh Selangor	-
Persatuan Penyewa-Penyewa Rumah	-
Bebas	1
Perikatan (UMNO Kuala Lumpur dan MCA Selangor)	9

Sumber: www.arkib.gov.my

Apakah faktor kejayaan Parti Perikatan tersebut?

- I Parti berkuasa
 - II Pemimpin terkenal
 - III Sifat bekerjasama
 - IV Masyarakat toleransi
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 16 Apakah keanggotaan terbesar dalam Majlis Perundangan Persekutuan 1955?
- A Wakil Negeri-Negeri Selat
 - B Menteri Besar yang mewakili negeri
 - C Ahli yang dipilih melalui pilihan raya
 - D Ahli lantikan mewakili kumpulan berkepentingan

17

Tunku Abdul Rahman dan wakil Raja-raja Melayu menjelaskan perlunya misi rundingan di London bagi membincangkan hal keselamatan, hubungan British-Tanah Melayu dan soal berkaitan dengan perlembagaan negara yang akan merdeka.

Penyataan di atas berkaitan dengan tujuan rombongan kemerdekaan dalam usaha membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan.

Siapakah yang menjadi wakil bagi Sultan Johor?

- A Tunku Abdul Rahman
- B Dr. Ismail Abdul Rahman
- C Dato' Abdul Razak Hussein
- D Dato' Mohamad Seth Mohammad Said

- 18 Bagaimanakah kewarganegaraan dapat diperoleh berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?
- I Kuat kuasa undang-undang
 - II Permohonan secara pendaftaran
 - III Bekerja di Jabatan Persekutuan Tanah Melayu
 - IV Berkahwin dengan penduduk tempatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 19 Maklumat berikut berkaitan persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara.

- Jawatankuasa Sambutan
- X

Apakah X?

- A Jawatankuasa istana
 - B Jawatankuasa protokol
 - C Jawatankuasa persediaan fizikal
 - D Jawatankuasa tajaan
- 20 Kerajaan terdiri daripada tiga komponen utama.
Apakah komponen tersebut?
- I Badan Eksekutif
 - II Badan Kehakiman
 - III Badan Persekutuan
 - IV Badan Pentadbiran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 21 Maklumat berikut merujuk kepada ciri negara yang berdaulat

- Mempunyai pemerintahan
- Mempunyai perundangan
- X

Apakah X?

- A Sempadan yang diiktiraf
- B Hak asasi rakyat dipelihara
- C Rumpun bangsa yang sama
- D Amalan demokrasi dilaksanakan



- 22 Kerajaan berperanan mewujudkan kemakmuran ekonomi negara. Bagaimanakah peranan tersebut dapat dilaksanakan?
- A Memberikan kesetiaan kepada raja dan negara
 - B Mengelakkan amalan rasuah dalam pentadbiran
 - C Menyokong segala usaha dan dasar kerajaan
 - D Mematuhi undang-undang negara
- 23 Undang-undang berikut diambil daripada undang-undang yang digubal di England.

Charter of Justice

Mengapakah undang-undang tersebut diperkenalkan?

- A Melindungi penduduk asal
 - B Memelihara kepentingan British
 - C Melaksanakan undang-undang British
 - D Menggantikan undang-undang tempatan
- 24 Pindaan Perlembagaan tahun 1963 berlaku disebabkan
- A Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.
 - B pengaruh komunis berkembang di Singapura.
 - C penggabungan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura.
 - D pemisahan Singapura dari Malaysia.
- 25 Antara berikut yang manakah kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam bidang eksekutif?
- A Mengisytiharkan Darurat
 - B Melantik Perdana Menteri
 - C Membubarkan Parlimen
 - D Menjaga hak istimewa orang Melayu
- 26 Apakah keunikan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang wujud di negara kita?
- A Mengukuhkan kuasa Raja-raja Melayu
 - B Membawa perkongsian kuasa antara kaum
 - C Membentuk Kerajaan Persekutuan yang kuat
 - D Mewujudkan mekanisme semak dan imbang
- 27 Apakah peruntukan kuasa yang diberi oleh Perlembagaan Persekutuan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri?
- I Kuasa perundangan
 - II Kuasa autonomi
 - III Kuasa kehakiman
 - IV Kuasa pemerintahan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

28 Gambar berikut menunjukkan suasana Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri.



Sumber: Bernama, 17 Mac 2020

Mengapakah mesyuarat tersebut dilaksanakan?

- A Melantik ketua kerajaan
- B Mengukuhkan kuasa pemerintahan
- C Menyelaraskan pelaksanaan dasar kerajaan
- D Menyeragamkan undang-undang negara

29 Pada tahun 1938, konsep Melayu Raya telah diperjuangkan oleh para nasionalis di Tanah Melayu. Mengapakah konsep tersebut gagal dilaksanakan?

- A Penjajahan tentera Jepun
- B Ancaman Parti Komunis Malaya
- C Pengisytiharan kemerdekaan Indonesia
- D Pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

30 Pilih pernyataan yang berkaitan dengan Perjanjian Malaysia 1963.

- I Tarikh pembentukan Malaysia ialah 16 September 1963
 - II Pembahagian kerusi parlimen bagi semua wilayah adalah sama
 - III Kuasa menubuhkan Kabinet Negeri diberikan kepada Sarawak dan Sabah
 - IV British mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Persekutuan Malaysia
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 31 Maklumat berkaitan kaedah kerajaan menangani ancaman komunis di Sarawak.

Kaedah X
• Menyebarkan risalah • Mengisytiharkan kawasan putih • Menawarkan pengampunan

Apakah X?

- A Perang Saraf
B Pengisytiharan darurat
C Perintah berkurung
D Pembesaran pasukan keselamatan
- 32 Apakah faktor tercetusnya peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969?
A Kebanjiran pendatang asing
B Pergaduhan antara kongsi gelap
C Penyelewengan dalam pilihan raya
D Ketidakeimbangan dalam ekonomi dan sosial
- 33 Tokoh berikut telah memberikan cadangan tambahan kepada Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 untuk memperkukuh semangat kekitaan dalam kalangan murid.



Abdul Rahman Talib

Apakah cadangan tersebut?

- I Mewajibkan pembelajaran Tatarakyat
II Mengutamakan pendidikan kerohanian
III Memperkenalkan sekolah aneka jurusan
IV Memberi penekanan kepada mata pelajaran Sejarah
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 34 Apakah prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan?
A Adat resam menjadi unsur penting
B Bahasa Melayu bahasa kebangsaan
C Unsur kebudayaan lain tidak diterima
D Kebudayaan rakyat asal menjadi teras
- 35 Dasar Ekonomi Baru bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Bagaimanakah cara untuk mencapai tujuan tersebut?
A Membuka kampung-kampung baharu
B Mengurangkan kemasukan imigran
C Melaksanakan pembangunan wilayah
D Mengurangkan saham milik asing
- 36 Gambar berikut merupakan Lebuhraya Pantai Timur 2 yang dibina kesan daripada Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).



Lebuhraya Pantai Timur 2

- Apakah kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan gambar berikut tentang kejayaan DEB dan DPN?
- A Kemunculan golongan pertengahan
B Kemajuan pengangkutan dan perhubungan
C Kemunculan Kawasan Perindustrian Baharu
D Berkembangnya Perindustrian Berteknologi Tinggi
- 37 Malaysia telah terlibat aktif dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Apakah agensi tersebut?
A Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)
B Rancangan Colombo
C Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)
D Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)

- 38 Maklumat berikut adalah berkaitan pertubuhan antarabangsa yang disertai oleh Malaysia.

Neutral, Aman, Bebas dan Berkecuali

Berdasarkan maklumat di atas, pilih pasangan yang betul tentang agensi tersebut?

A	ASEAN	Dianggotai negara bekas jajahan British
B	KOMANWEL	Keselamatan negara serantau
C	NAM	Tidak berpihak dalam konflik antarabangsa
D	OIC	Dianggotai oleh negara sedunia

- 39 Malaysia telah terlibat dalam perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) pada tahun 1992. Apakah kesan perjanjian tersebut terhadap ekonomi negara?
- I Pengurangan cukai barangan
 - II Peluang pekerjaan bertambah
 - III Pembentukan institusi kewangan
 - IV Pengurangan tarif import
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 40 Deklarasi berikut telah diisytiharkan dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) pada tahun 1989.

Deklarasi Langkawi

Apakah perkara yang berkaitan dengan deklarasi tersebut?

- A Menangani kesan rumah hijau
- B Memberikan bantuan kemanusiaan
- C Menjadikan Langkawi destinasi pelancongan
- D Mengurangkan kebergantungan pada pasaran kewangan antarabangsa

KERTAS SOALAN TAMAT